

Pembajaan Pokok Koko

Nota

Pembajaan penting bagi kesuburan pokok.

Pembajaan merupakan satu komponen penting dalam aktiviti tanaman dan penjagaan pokok koko. Pembajaan pokok berfungsi menambah nutrien dalam tanah untuk kegunaan pokok bagi menggantikan nutrien yang hilang. Nutrien atau sumber makanan kepada pokok berfungsi dalam tumbesaran, meningkatkan daya tahan kepada serangan penyakit dan perosak, pemulihan pokok cedera atau sakit dan meningkatkan produktiviti hasil.

1

JENIS - JENIS BAJA



1.1

Nutrien merupakan sumber makanan yang diperolehi oleh pokok contohnya Nitrogen, Fosforus dan Kalium. Baja pula merupakan sumber nutrien yang diberikan kepada pokok melalui tanah atau foliar. Baja terbahagi kepada baja organik dan baja kimia atau mineral. Baja mineral pula boleh dibahagikan kepada tiga iaitu :



1.2

Baja Tunggal – Baja yang mengandungi satu unsur nutrien sahaja contohnya CIRP dan Urea (1.1)

Baja Campuran – Dua atau lebih baja tunggal yang dicampur dan digaul secara fizikal

Baja Sebatian – Baja yang mengandungi dua atau lebih kandungan nutrien dan dicampur secara kimia contohnya NPK Biru dan NPK Hijau (1.2)

2

KADAR MEMBAJA

Umur pokok (bulan)	Kadar baja(g)/pokok
12	150*
16	200*
20	200*
24	300*
28	300**
32	300**
>36	400**

Nota : * NPK 15:15:15 ** NPK 12:12:17:2

3

KESesuaian WAKTU MEMBAJA

Pembajaan perlu dijalankan 3 kali setahun bagi pokok dewasa. Kuantiti baja yang sedikit namun dilakukan secara kerap adalah lebih baik daripada membaja dengan kuantiti yang banyak tetapi dengan kekerapan yang sedikit.

- Jangan membaja jika ladang banjir atau musim panas berpanjangan
- Membaja digalakkan selepas musim kemarau terutama di awal musim hujan dan di awal musim pembungaan

Nota : Tanah yang kering serta kawasan yang ditenggelami air atau banjir tidak sesuai untuk membaja

4

KAEDAH PEMBAJAJAN POKOK MUDA



Pembajaan pokok muda dilakukan bermula apabila pokok koko berusia sebulan di ladang. Pembajaan dilakukan dengan menabur anggaran 30 g baja di sekeliling pokok

5

KAEDAH PEMBAJAJAN POKOK DEWASA



Bersihkan bawah kanopi pokok sebelum menabur baja



Kaedah membaja bulatan (daun disangkupkan semula selepas membaja)



Kaedah membaja antara baris



Kaedah membaja tepi plant atau tebing

6

KAEDAH PENGAPURAN



Matlamat pengapuran adalah untuk memulihkan tanah, kapur ditabur secara menyeluruh ke ladang (blanket)

7

LANGKAH MEMBAJA



Proses permulaan membaja

Penyukat baja 200 g dan 400 g

Pakaian bersesuaian

Aktiviti membuat baja campuran